

06 JAN 2003

S'pura-Perjanjian/I

S'PURA SEDIA TIMBANGKAN TEMPAT DAN TARIKH SESUAI, KATA JAYAKUMAR

SINGAPURA, 6 Jan (Bernama) -- Singapura sedia menandatangani perjanjian dengan Malaysia di mana-mana sahaja dan pada tarikh baru untuk merujuk kes tuntutan bertindih Pulau Batu Puteh ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

"Perjanjian itu boleh ditandatangani di mana-mana sahaja" demikian menurut akhbar Straits Times yang memetik Menteri Luar republik itu S.Jayakumar.

Jayakumar berkata demikian merujuk kepada keputusan Malaysia pada Sabtu lepas bahawa ia tidak bersetuju dengan cadangan Singapura untuk menandatangani perjanjian berkenaan di Brussels semasa mesyuarat Asean-Kesatuan Eropah pada 27 dan 28 Jan ini.

"Saya tidak melihat ini sebagai isu besar ... ia sesuatu yang kita tidak perlu merungut. Ia pasti tidak akan membawa apa-apa perbezaan dalam keputusan prosiding mahkamah antarabangsa itu," kata Jayakumar pada satu majlis kemasyarakatan di Bedok semalam.

Beliau berkata Singapura juga sedia mempertimbangkan apa-apa tarikh lain yang dicadangkan oleh Malaysia untuk menandatangani perjanjian itu bagi menyelesaikan pertikaian berhubung kedaulatan pulau itu di ICJ di The Hague.

Semalam, Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia akan mengemukakan tarikh baru kepada Singapura dan ia mungkin mencadangkan perjanjian itu ditandatangani semasa mesyuarat Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Kuala Lumpur bulan depan.

Jayakumar semalam menjelaskan Brussels dicadangkan sebagai respons kepada hasrat KL untuk menandatangani perjanjian khas itu secepat mungkin dan Brussels merupakan titik pertemuan paling awal Menteri Luar kedua-dua negara.

Pada Sabtu, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak cadangan supaya perjanjian itu ditandatangani di Brussels dengan berkata kedua-dua pihak "perlu melakukannya di sini" (Kuala Lumpur).

Pertikaian berhubung gugusan pulau berbatu itu yang terletak 15 batu nautika dari pantai Pengerang, Johor, timbul pada 1970 dan pada 1991 Malaysia dan Singapura bersetuju untuk membawa tuntutan itu ke ICJ.

Malaysia telah mencadangkan enam atau tujuh tarikh untuk menandatangani perjanjian itu tetapi kesemuanya ditolak oleh republik itu.

Jayakumar semalam berkata Malaysia sebenarnya sebelum ini pernah mencadangkan perjanjian itu ditandatangani di Singapura. "Tandatanganinya di Singapura, tandatanganinya di Malaysia, tandatanganinya di mana-mana sahaja di dunia - ia tidak membawa apa-apa perbezaan," katanya.

-- BERNAMA

SS PR